

Perkongsian maklumat geologi dan ekologi melalui Sistem Pemetaan dan Pengkalan Maklumat

Mohd Shahir Shamsir, Muhammad Al-Hadi Ali Akhbar and Nik Ahmad Firdaus

Kumpulan Penyelidik Bioinformatik,

Jabatan Sains Biologi, Fakulti Biosains dan Biokejuruteraan

Universiti Teknologi Malaysia 81310 Skudai, Johor

E-mel: shahir@fbb.utm.my

Abstrak

Penggunaan internet yang meluas serta ketibaan Web 2.0 dimana sumber maklumat kini adalah dari pengguna menyebabkan kami membangunkan sebuah pengkalan maklumat dan sistem pemetaan spesis untuk membantu penyelidik-penyalidik kepelbagaian biologi di Malaysia. Memandangkan, peta-peta berkaitan kepelbagaian biologi secara lazimnya berbentuk analog, pembangunan sistem ini juga termasuk proses mendigitalkan peta analog untuk memudahkan rujukan para pengkaji seperti maklumat alam sekitar seperti kontor, kecerunan, sistem saliran (sungai, tasik, empangan) dan kawasan hutan. Maklumat – maklumat kadaster dan tematik juga dimuatnaik seperti data terperinci sempadan seperti mukim, daerah, rangkaian jalanraya dan maklumat gunatanah negeri dan daerah seperti Langkawi, Mersing dan Pangkor. Maklumat kepelbagaian biologi yang menunjukkan taburan spesis dari sumber arkib juga telah diambil dari Global Biodiversity Information Facility (GBIF) untuk peringkat skala perintis. Pengkalan ini juga mempunyai keupayaan untuk memetakan maklumat spesis yang di jumpai di negeri-negeri Semenanjung. Pengkalan maklumat ini kini dibuka kepada semua penyelidik yang berminat secara percuma di <http://birg2.fbb.utm.my>